

**Kajian: Pakatan tiada harapan di Sarawak**  
**Malaysiakini.com**  
**July 14, 2010**

Hanya 11.2 peratus rakyat Sarawak yang sanggup mengundi untuk pembangkang, mengikut kajian yang dijalankan oleh Merdeka Centre dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

azlanBancian di kalangan 518 rakyat Sarawak - terdiri daripada responden daripada pelbagai latar belakang etnik menunjukkan 64.1 peratus daripada mereka bersedia mengundi BN, iaitu 1.1 peratus lebih tinggi berbanding undi popular yang diterima pada pilihan raya negeri 2006.

Meskipun ketokohan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan faktor 'penarik' di semenanjung, namun kajian yang dijalankan itu menunjukkan Anwar tidak mendapat sambutan di Sarawak dengan hanya 21.1 peratus responden mengiktiraf kepemimpinannya.

Bagi rakyat Sarawak terdapat beberapa tanggapan negatif di kalangan pembangkang dengan kebanyakan responden berpendapat mereka tidak bersatu (33.6 peratus) diikuti kekurangan idea untuk pembangunan ekonomi (26.6), rasuah (11.4), pentadbiran yang lemah (7.5) dan kepemimpinan yang lemah (4.8).

Sementara itu, kajian berkenaan juga mendapati antara 70 hingga 80 peratus responden mempunyai persepsi positif terhadap polisi dan tindakan BN, walaupun ada yang mengakui kelemahannya seperti kepemimpinan yang lemah, persetruan antara parti dan politik wang.

Namun, menurut kajian itu Pakatan Rakyat berpeluang membuat kejutan jika ia berjaya merampas 20 peratus daripada undi popular yang menyaksikan mereka menguasai 30 kerusi negeri berbanding hanya enam yang dimiliki sekarang.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137245>